

Pembinaan Indeks Perlakuan Melepak Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhinya Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Johor

PROF. MADYA DR. AZIZI YAHAYA

profazizi_yahaya@yahoo.com

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Skudai Johor

DR RAJA ROSLAN RAJA ABD RAHMAN

IPTK, UTeM

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti 1) faktor- faktor dominan (peranan ibu bapa, sekolah dan rakan) yang mempengaruhi perlakuan melepak 2) indeks perlakuan melepak di kalangan pelajar sekolah menengah 3) hubungan antara perlakuan melepak dengan peranan ibu bapa, sekolah dan rakan dan 4) perbezaan antara perlakuan melepak dengan jantina, lokasi tempat kediaman, lokasi sekolah. Seramai 386 pelajar telah dipilih dari enam buah sekolah menengah negeri Johor. Satu set soal selidik yang mengandungi tiga bahagian, iaitu latar belakang responden, faktor- faktor dominan dan tahap perlakuan melepak telah digunakan. Bahagian B dan C soalan soal selidik masing-masing mempunyai kebolehppercayaan $\alpha = 0.7675$ dan 0.6047 . Program SPSS versi 11.5 telah digunakan untuk menganalisis data. Statistik deskriptif (kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai) digunakan untuk menganalisis faktor-faktor dominan yang mempengaruhi perlakuan melepak dan tahap perlakuan melepak. Manakala Statistik inferensi seperti ujian-t digunakan untuk menganalisis perbezaan perlakuan melepak dengan jantina, lokasi tempat kediaman dan lokasi sekolah. Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis hubungan perlakuan melepak dengan peranan ibu bapa, sekolah dan rakan. Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa 1) indeks perlakuan melepak adalah 34.4 2) terdapat hubungan yang negatif antara perlakuan melepak dengan peranan ibu bapa, sekolah dan rakan pada aras signifikan $r = 0.01$ 3) tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara perlakuan melepak dengan jantina, lokasi sekolah, lokasi sekolah pada aras signifikan $p = 0.05$.

(kata kunci: peranan ibu bapa, peranan sekolah, peranan rakan sebaya, jantina, lokasi tempat kediaman, lokasi sekolah dan indeks perlakuan melepak)

Abstract: The purpose of this study is to identify 1) the dominant factors (parents, school and friends) that lead to loitering behavior 2) the loitering behavior index among secondary school students 3) the relation between loitering behavior and the role of parents, school and friends and 4) the different between the loitering behavior and gender, residential area and school area. Total of 386 students have been chosen among six secondary schools in Johor state. The questionnaire consists three sections. They are responden's background, dominant factors and level of loitering behavior respectively. The reliability value, α of the questionnaire in section B is 0.7675 and section C is 0.6047. SPSS programme version 11.5 have been used for data analysis. Descriptive statistics (frequency, percentage, mean and standard deviation) were used to analysis the dominant factors that influence loitering behavior and it's level. Inferential statistics such as t-test was used to analysis the different between loitering behavior and gender, residential area and school area. Pearson correlation was used to analysis the relation between loitering behavior and the role of parents, school and friends. The finding show that 1) the index of loitering behavior is 34.4 2) there are negative significance relation between loitering behavior and the role of parents, school and friends at $r = 0.01$ significance level 3) there are no significance difference between loitering behavior and gender, residential area and school area at $p = 0.05$ significance level. (Keywords: the role of parents, school and friends, gender, residential area, school area and index of loitering)

PENGENALAN

Gejala melepak adalah satu masalah lumrah yang berlaku di kebanyakan negara, tidak kira di bandar ataupun di kawasan luar bandar. Usaha menangani masalah ponteng memang wajar menjadi salah satu agenda penting dalam perancangan pengurusan sekolah. Hal ini sangat penting diperjuangkan bukan sahaja oleh individu dan keluarga malahan bagi suatu bangsa dan sebuah negara merdeka supaya lebih bermaruah,

berdaulat dan bermartabat. Oleh sebab itu, keutuhan budaya dan moral yang menjadi prinsip penting dalam merealisasikan wawasan 2020.

Secara keseluruhannya, fenomena budaya melepak yang menjadi tunjang kepada gejala sosial wajar diberi perhatian oleh semua pihak. Gejala ini seharusnya dibendung dari awal lagi. Pembendungan ini harus dilakukan dari setiap sudut dan kerjasama padu dari pihak ibu bapa dan kerajaan amatlah diperlukan demi memastikan misi ini berjaya. Jika kita tidak serius dalam menangani gejala ini, akan timbul pula gejala-gejala lain yang akan menular di kalangan remaja kita dan akhirnya generasi yang bakal menjadi pelapis ini akan tenggelam begitu sahaja. Ia penting untuk mendapatkan kesejahteraan hidup yang harmoni dan aman damai seiring dengan kemajuan negara. Setiap peringkat umur perlu menghindari amalan melepak tanpa arah tujuan agar masa yang ada dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Apatah kata pelajar sekolah yang bakal menerusi perjuangan negara, bangsa dan agama.

Pelbagai bentuk gejala sosial yang melanda masyarakat dewasa ini menuntut cabaran untuk mengatasinya. Lepak umpamanya merupakan salah satu masalah sosial yang menjadi pemangkin kepada pelbagai masalah sosial yang lain. Ini bermakna masalah melepak tidak boleh dipandang remeh. Budaya melepak amat ditakuti kerana boleh memusnahkan masa depan negara. Menurut Rustam A. Sani (1994), masalah melepak tidak hanya berlaku di Malaysia tetapi menjadi masalah seluruh dunia.

Azalina (dalam Samsudin, et.al., 2006), golongan belia adalah kelompok penting dalam usaha kerajaan membangunkan modal insan. Dengan itu, usaha pembangunan belia yang dilaksanakan mestilah dipatah agar ia memberikan kadar pulangan pelaburan yang setimpal dengan pelaburan perbelanjaan kerajaan. Akan tetapi, yang amat menduka-citakan ialah kebanyakan yang terlibat dalam gejala ini terdiri daripada generasi belia atau golongan muda remaja yang sepatutnya menjadi teras kepada kepimpinan negara. Tanpa tujuan, masa generasi muda belia dibazirkan dengan aktiviti melepak.

Keadaan tersebut sedikit sebanyak harus mencetus kebimbangan di kalangan masyarakat kerana ia membabitkan golongan muda yang masih terlalu jauh lagi perjalanan hidup mereka. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan, yang rugi bukan saja remaja itu sendiri bahkan negara kerana bakal diwarisi oleh generasi muda. Wong Khok Seng (1996), budaya melepak boleh membantut perkembangan ekonomi negara. Budaya melepak menjadikan generasi muda malas dan seterusnya meningkatkan kadar pengangguran. Sedangkan pembangunan negara memerlukan banyak tenaga kerja.

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Perlakuan Melepak Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Kaplan (1975), Keluarga yang kurang harmonis dan lemah interaksi sesama ibu bapa dan anak turut menyumbang kepada masalah melepak. Ibu bapa merupakan tempat anak-anak bergantung dan mengadu sekiranya timbul masalah di kalangan mereka. Jika ibu bapa memberikan ransangan yang baik, anak-anak akan merasa dihargai dan disayangi, sekurang-kurangnya akan mengeratkan lagi tali silaturahim sesama keluarga.

Menurut Azizi, et. al. (2005), sekiranya ibu bapa gagal memberi pengalaman sosialisasi yang berkesan, maka akan menimbulkan pelbagai perlakuan dan aktiviti sosial yang tidak sihat. Selain itu ada juga baiknya jika ibu bapa bersama anak-anak melakukan aktiviti bersama-sama seperti kegiatan riadah sekeluarga yang mana aktiviti seumpama itu amat sesuai diterapkan dalam mengeratkan lagi perhubungan dan seisi keluarga dan mengisi masa lapang dengan berfaedah.

Menurut Mansor Abudullah dan Siti Nordinar (1975), menyatakan faktor persekitaran menyediakan peluang untuk remaja melepak.

Menurut Rice dan Kobak (dalam Shahizan Hassan, Tsai Chen Chien dan Saw Hooi Chin, 2004), berpendapat walaupun remaja menghabiskan lebih banyak masa bersama kawan berbanding ibu bapa, tetapi hubungan keibubapaan adalah amat penting dalam proses perkembangan remaja. Ini dibuktikan oleh kajian Amato dan Keith (1991), mendapati remaja yang datang dari keluarga tidak bahagia kebanyakan lemah dalam pencapaian akademik dan menyumbang kepada masalah sosial dan tindak laku delikuen.

Kajian Corno dan Mandinach dalam Razali (2004), mendapati bahawa pengawalan emosi semasa proses pengajaran dan pembelajaran adalah penting agar memudahkan pelajar memahami dan tidak berasa bosan ke sekolah. Seronok ke sekolah bermakna pelajar akan menjauhi perlakuan melepak.

Azizi dan Jaafar (2005), penerimaan guru terhadap pelajar adalah penting. Setiap pelajar memerlukan penilaian yang tinggi dan stabil berkenaan diri mereka. Penerimaan ini bermaksud pelajar itu berasa dihargai, dikasihi dan bernilai. Apabila penerimaan menjadi tinggi, maka akan mendorong pelajar untuk hadir ke sekolah, membaca untuk mencari ilmu dan mencuba perkara yang baik sebelum dialaminya.

Freud (1985), menyatakan bahawa masa bagi remaja bergaul hasil orientasi terhadap penghidupan mereka. Peringkat ini dipanggil peringkat perhubungan rakan-rakan sebaya. Norma-norma perangai rakan diperhatikan oleh remaja lain. Remaja yang mengakumi norma hidup yang ditunjukkan adalah mudah mengikuti perlakuan melepak. Peringkat remaja yang bersifat ingin tahu dan ingin mencuba sering melepak di bandar untuk mencontohi aksi dan perlakuan remaja yang disegani.

Kajian Manja (1990), apabila remaja sudah yakin dengan pemilihan rakan yang sama minat, maka hubungan mereka akan menjadi lebih erat. Remaja juga akan mengikuti apa jua perlakuan rakannya.

Menurut Lester (1964), remaja akan memilih jalan mudah untuk melepaskan tekanan dengan cara bersiar-siar atau melapangkan masa bersama rakan-rakan, jika mereka gagal membuat penyesuaian terhadap perubahan fizikal dan mental.

Kajian perlu dijalankan bagi mengenalpasti faktor-faktor dominan yang mempengaruhi perlakuan melepak. Dalam kajian ini, penyelidik akan menyelidik menggunakan soal selidik bagi mengetahui sama ada terdapat hubungan signifikan antara perlakuan melepak dengan peranan ibu bapa, sekolah dan rakan. Di samping, mengenalpasti perbezaan yang signifikan antara perlakuan melepak dengan jantina, lokasi tempat kediaman, lokasi sekolah.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa objektif yang telah dikenalpasti. Objektif tersebut adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenalpasti faktor-faktor dominan (peranan ibu bapa, sekolah dan rakan) yang mempengaruhi aktiviti melepak di kalangan pelajar sekolah menengah.
2. Untuk mengenalpasti indeks perlakuan melepak di kalangan pelajar sekolah menengah.
3. Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan signifikan antara perlakuan melepak dengan peranan ibu bapa, sekolah dan rakan di kalangan pelajar sekolah menengah.
4. Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan signifikan antara perlakuan melepak dengan jantina, lokasi tempat kediaman dan lokasi sekolah di kalangan pelajar sekolah menengah.

METODOLOGI

Penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif dan tinjauan inferensi. Kajian ini melibatkan pemboleh ubah bebas seperti jenis perlakuan melepak, faktor-faktor mempengaruhi perlakuan melepak (peranan ibu bapa, sekolah dan rakan sebaya) dan lokasi sekolah dan lokasi tempat kediaman. Kajian ini juga melibatkan pemboleh ubah bersandar seperti indeks perlakuan melepak dan tahap perlakuan melepak.

Satu set soalan soal selidik telah disediakan bagi mengumpulkan maklumat dan data. Kajian ini menggunakan 384 pelajar dari enam buah sekolah menengah yang berlainan daerah dipilih rawak untuk dijadikan sebagai sampel. Sebanyak 64 pelajar dipilih secara rawak dari setiap tingkatan 1 hingga 4 yang berlainan daerah di negeri Johor.

Data diperoleh dengan menggunakan soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang telah terpilih mewakili pelajar sekolah menengah di Johor. Set soalan soal selidik mengandungi soalan-soalan tentang latar belakang pelajar, faktor-faktor yang mempengaruhi perlakuan melepak iaitu, peranan ibu bapa, peranan sekolah dan peranan rakan, dan tahap perlakuan melepak. Setiap maklumat telah ditakrifkan secara kuantitatif.

Satu kajian rintis juga telah dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrument kajian. Seramai 10 orang pelajar dari sekolah menengah telah di pilih sebagai sampel kajian rintis. Data analisis dengan menggunakan perisian SPSS 11.5, didapati nilai alpha Cronbach yang diperolehi mencapai 0.7524.

DAPATAN KAJIAN

Faktor Peranan Ibu Bapa Yang Mempengaruhi Aktiviti Melepak Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Kekekapan, Peratus, Sisihan Piawai dan Min Bagi Faktor Peranan Ibu Bapa (n = 384)

| Kenyataan | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP | Tahap |
|--|---------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|------|------|-------|
| Ibu bapa membenarkan saya memilih kawan saya sendiri. | $\frac{5}{1.3\%}$ | $\frac{5}{1.3\%}$ | $\frac{24}{6.3\%}$ | $\frac{271}{70.6\%}$ | $\frac{79}{20.6\%}$ | 4.08 | 0.66 | T |
| Ibu bapa selalu mengambil perhatian terhadap pelajaran saya. | $\frac{3}{0.8\%}$ | $\frac{4}{1.0\%}$ | $\frac{28}{7.3\%}$ | $\frac{221}{57.6\%}$ | $\frac{128}{33.3\%}$ | 4.22 | 0.69 | T |
| Ibu bapa memberi panduan untuk belajar berkesan kepada saya. | $\frac{3}{0.8\%}$ | $\frac{19}{4.9\%}$ | $\frac{41}{10.7\%}$ | $\frac{240}{62.5\%}$ | $\frac{81}{21.1\%}$ | 3.98 | 0.77 | T |
| Ibu bapa sentiasa sembahyang bersama saya. | $\frac{17}{4.4\%}$ | $\frac{44}{11.5\%}$ | $\frac{60}{15.6\%}$ | $\frac{229}{59.6\%}$ | $\frac{34}{8.9\%}$ | 3.57 | 0.96 | S |
| Ibu bapa selalu membacakan buku-buku agama kepada saya. | $\frac{31}{8.1\%}$ | $\frac{63}{16.4\%}$ | $\frac{197}{51.3\%}$ | $\frac{69}{18.0\%}$ | $\frac{24}{6.3\%}$ | 2.98 | 0.96 | S |
| Ibu bapa sentiasa memastikan saya menunaikan ibadat keagamaan. | $\frac{8}{2.1\%}$ | $\frac{24}{6.3\%}$ | $\frac{34}{8.9\%}$ | $\frac{79}{20.6\%}$ | $\frac{239}{62.2\%}$ | 4.35 | 1.02 | T |
| Ibu bapa sentiasa memberi nasihat kepada saya apabila saya salah. | $\frac{6}{1.6\%}$ | $\frac{3}{0.8\%}$ | $\frac{6}{1.6\%}$ | $\frac{82}{21.4\%}$ | $\frac{287}{74.7\%}$ | 4.67 | 0.70 | T |
| Ibu bapa mengawal perlakuan saya sama ada di rumah atau di luar. | $\frac{4}{1.0\%}$ | $\frac{11}{2.9\%}$ | $\frac{38}{9.9\%}$ | $\frac{233}{60.7\%}$ | $\frac{98}{25.5\%}$ | 4.07 | 0.75 | T |
| Ibu bapa saya tidak keluar rumah pada waktu malam kecuali ada hal penting. | $\frac{13}{3.4\%}$ | $\frac{24}{6.3\%}$ | $\frac{23}{6.0\%}$ | $\frac{200}{52.1\%}$ | $\frac{124}{32.3\%}$ | 4.04 | 0.97 | T |
| Ibu bapa saya jarang membawa saya keluar. | $\frac{80}{20.8\%}$ | $\frac{209}{54.4\%}$ | $\frac{46}{12.0\%}$ | $\frac{34}{8.9\%}$ | $\frac{15}{3.9\%}$ | 3.79 | 1.00 | T |

Jadual 1 menunjukkan taburan faktor peranan ibu bapa yang menjadi faktor-faktor yang mempengaruhi aktiviti melepak di kalangan pelajar sekolah menengah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “ibu bapa sentiasa memberi nasihat kepada saya apabila saya salah” mencatat min tertinggi, iaitu 4.67 dan sisihan piawai 0.70. Bagi pernyataan “ibu bapa sentiasa memastikan saya menunaikan ibadat keagamaan”, mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 4.35 dan sisihan piawai 1.02. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.97 dan sisihan piawai ialah 0.85. Ini menunjukkan tahap faktor peranan ibu bapa adalah amat penting dalam membentuk perlakuan individu.

Faktor Peranan Sekolah Yang Mempengaruhi Aktiviti Melepak Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus, Sisihan Piawai dan Min Bagi Faktor Peranan Sekolah (n = 384)

| Kenyataan | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP | Tahap |
|---|----------------------|---------------------|----------------------|----------------------|----------------------|------|------|-------|
| Saya tidak suka hadir ke sekolah. | $\frac{264}{68.8\%}$ | $\frac{64}{16.7\%}$ | $\frac{32}{8.3\%}$ | $\frac{10}{2.6\%}$ | $\frac{14}{3.6\%}$ | 4.44 | 1.00 | T |
| Guru saya sentiasa marah saya dan kawan tanpa sebab dan penjelasan. | $\frac{226}{58.9\%}$ | $\frac{57}{14.8\%}$ | $\frac{58}{15.1\%}$ | $\frac{10}{2.6\%}$ | $\frac{33}{8.6\%}$ | 4.13 | 1.27 | T |
| Pengetua selalu memberitahu saya sebab-sebab sesuatu arahan itu. | $\frac{164}{42.5\%}$ | $\frac{51}{13.3\%}$ | $\frac{72}{18.8\%}$ | $\frac{69}{18.0\%}$ | $\frac{28}{7.3\%}$ | 2.34 | 1.37 | S |
| Pengetua dan guru pernah memberitahu pencapaian saya samada memuaskan atau tidak. | $\frac{13}{3.4\%}$ | $\frac{7}{1.8\%}$ | $\frac{95}{24.7\%}$ | $\frac{109}{28.4\%}$ | $\frac{160}{41.7\%}$ | 4.03 | 1.02 | T |
| Kaunselor ada memberitahu tentang masa depan pekerjaan saya. | $\frac{42}{10.9\%}$ | $\frac{45}{11.7\%}$ | $\frac{216}{56.3\%}$ | $\frac{58}{15.1\%}$ | $\frac{23}{6.0\%}$ | 2.93 | 0.97 | S |
| Pengetua dan guru tidak bertegur sapa dengan saya apabila kami berjumpa. | $\frac{198}{51.6\%}$ | $\frac{63}{16.4\%}$ | $\frac{74}{19.3\%}$ | $\frac{24}{6.3\%}$ | $\frac{25}{6.5\%}$ | 4.00 | 1.24 | T |
| Pengetua dan guru dapat mengawal emosinya walaupun beliau berada dalam keadaan marah. | $\frac{19}{4.9\%}$ | $\frac{53}{13.8\%}$ | $\frac{197}{51.3\%}$ | $\frac{69}{18.0\%}$ | $\frac{46}{12.0\%}$ | 3.18 | 0.98 | S |
| Saya mendapati pengetua/guru mempunyai tabiat bersia-sia. | $\frac{51}{13.3\%}$ | $\frac{39}{10.2\%}$ | $\frac{89}{22.9\%}$ | $\frac{178}{46.4\%}$ | $\frac{28}{7.3\%}$ | 2.76 | 1.15 | S |
| Guru selalu meminta saya menerima dan mendengar pendapat dan cadangannya. | $\frac{2}{0.5\%}$ | $\frac{34}{8.9\%}$ | $\frac{81}{21.1\%}$ | $\frac{99}{25.8\%}$ | $\frac{168}{43.8\%}$ | 4.03 | 1.02 | T |
| Ada guru yang pernah merendahkan saya di hadapan kawan saya. | $\frac{32}{8.3\%}$ | $\frac{72}{18.8\%}$ | $\frac{59}{15.4\%}$ | $\frac{187}{48.7\%}$ | $\frac{34}{8.9\%}$ | 2.69 | 1.13 | T |

Jadual 2 menunjukkan taburan faktor peranan sekolah menjadi faktor -faktor yang mempengaruhi aktiviti melepak di kalangan pelajar sekolah menengah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “saya tidak suka hadir ke sekolah” mencatatkan min tertinggi iaitu 4.44 dan sisihan piawai 1.00. Bagi pernyataan “guru saya sentiasa marah saya dan kawan tanpa sebab dan penjelasan”, mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu 4.13 dan sisihan piawai 1.27. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.45 dan sisihan piawai ialah 1.12. Ini menunjukkan tahap faktor peranan sekolah adalah sederhana tinggi.

Faktor Peranan Rakan Yang Mempengaruhi Aktiviti Melepak Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Kekekapan, Peratus, Sisihan Piawai dan Min Bagi Faktor Peranan Rakan (n = 384)

| Kenyataan | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP | Tahap |
|---|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|------|------|-------|
| Saya selalu menghabiskan masa bersama rakan. | $\frac{17}{4.4\%}$ | $\frac{58}{15.1\%}$ | $\frac{97}{25.3\%}$ | $\frac{181}{47.1\%}$ | $\frac{31}{8.1\%}$ | 2.61 | 0.99 | S |
| Saya suka bersama dengan rakan. | $\frac{2}{0.5\%}$ | $\frac{12}{3.1\%}$ | $\frac{40}{10.4\%}$ | $\frac{98}{25.5\%}$ | $\frac{232}{60.4\%}$ | 1.58 | 0.84 | R |
| Saya tidak pernah menolak ajakan kawan. | $\frac{25}{6.5\%}$ | $\frac{200}{52.1\%}$ | $\frac{110}{28.6\%}$ | $\frac{26}{6.8\%}$ | $\frac{23}{6.0\%}$ | 3.46 | 0.94 | S |
| Saya ada banyak rakan yang suka melepak. | $\frac{85}{22.1\%}$ | $\frac{66}{17.2\%}$ | $\frac{186}{48.4\%}$ | $\frac{28}{7.3\%}$ | $\frac{19}{4.9\%}$ | 3.44 | 1.07 | S |
| Saya melepak kerana ingin bersama kawan. | $\frac{234}{60.9\%}$ | $\frac{70}{18.2\%}$ | $\frac{37}{9.6\%}$ | $\frac{23}{6.0\%}$ | $\frac{20}{5.2\%}$ | 4.24 | 1.17 | T |
| Saya tidak terpengaruh apabila diajak untuk melakukan sesuatu oleh rakan. | $\frac{20}{5.2\%}$ | $\frac{24}{6.3\%}$ | $\frac{83}{21.6\%}$ | $\frac{55}{14.3\%}$ | $\frac{202}{52.6\%}$ | 4.03 | 1.21 | T |
| Saya tidak suka keluar bersama rakan. | $\frac{60}{15.6\%}$ | $\frac{77}{20.1\%}$ | $\frac{211}{54.9\%}$ | $\frac{28}{7.3\%}$ | $\frac{8}{2.1\%}$ | 2.60 | 0.91 | S |
| Rakan banyak membantu saya apabila saya mengalami masalah. | $\frac{4}{1.0\%}$ | $\frac{13}{3.4\%}$ | $\frac{41}{10.7\%}$ | $\frac{117}{30.5\%}$ | $\frac{209}{54.4\%}$ | 4.34 | 0.88 | T |
| Saya suka bersama rakan yang mempunyai minat yang sama dengan saya. | $\frac{11}{2.9\%}$ | $\frac{17}{4.4\%}$ | $\frac{51}{13.3\%}$ | $\frac{219}{57.0\%}$ | $\frac{86}{22.4\%}$ | 3.92 | 0.89 | T |
| Rakan saya sentiasa merayau selepas waktu sekolah. | $\frac{71}{18.5\%}$ | $\frac{192}{50.0\%}$ | $\frac{91}{23.7\%}$ | $\frac{15}{3.9\%}$ | $\frac{15}{3.9\%}$ | 3.75 | 0.93 | T |

Jadual 3 menunjukkan taburan faktor keluarga pelajar menjadi faktor -faktor yang mempengaruhi aktiviti melepak di kalangan pelajar sekolah menengah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “rakan banyak membantu saya apabila saya mengalami masalah” mencatat min tertinggi, iaitu 4.34 dan sisihan piawai 0.88. Bagi pernyataan “saya melepak kerana ingin bersama kawan.”, mencatat min kedua tinggi, iaitu 4.24 dan sisihan piawai 1.17. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.40 dan sisihan piawai ialah 0.98. Ini menunjukkan tahap faktor peranan rakan adalah sederhana.

Taburan Faktor – Faktor Dominan Yang Mempengaruhi Aktiviti Melepak Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Jadual 4: Taburan Min Keseluruhan Setiap Faktor

| Bil | Faktor Mempengaruhi Aktiviti Melepak Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah | Min |
|-----|---|------|
| 1 | Peranan Ibu Bapa | 3.97 |
| 2 | Peranan Sekolah | 3.45 |
| 3 | Peranan Rakan | 3.40 |

Jadual 4 menunjukkan min keseluruhan setiap faktor. Didapati faktor bagi peranan ibu bapa mempunyai nilai min yang paling tinggi iaitu sebanyak 3.97, diikuti dengan peranan sekolah di mana nilai min adalah 3.45. Hasil kajian menunjukkan peranan rakan mempunyai nilai min yang paling rendah iaitu 3.40.

Perlakuan Melepak Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus, Sisihan Piawai dan Min Bagi Perlakuan Melepak (n = 384)

| Kenyataan | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP | Tahap |
|---|----------------------|----------------------|----------------------|---------------------|----------------------|------|------|-------|
| Saya merasa bosan di rumah. | $\frac{115}{29.9\%}$ | $\frac{88}{22.9\%}$ | $\frac{96}{25.0\%}$ | $\frac{61}{15.9\%}$ | $\frac{24}{6.3\%}$ | 2.46 | 1.24 | S |
| Saya merasa bosan di sekolah. | $\frac{124}{32.3\%}$ | $\frac{94}{24.5\%}$ | $\frac{89}{23.2\%}$ | $\frac{39}{10.2\%}$ | $\frac{38}{9.9\%}$ | 2.41 | 1.30 | S |
| Saya tidak suka melepak kerana tiada sesiapa di rumah. | $\frac{27}{7.0\%}$ | $\frac{43}{11.2\%}$ | $\frac{126}{32.8\%}$ | $\frac{85}{22.1\%}$ | $\frac{103}{26.8\%}$ | 3.51 | 1.20 | S |
| Saya suka melepak kerana saya takut ke sekolah. | $\frac{218}{56.8\%}$ | $\frac{125}{32.6\%}$ | $\frac{37}{9.6\%}$ | $\frac{3}{0.8\%}$ | $\frac{1}{0.3\%}$ | 1.55 | 0.72 | R |
| Saya selalu pergi ke tempat permainan video, kafe siber atau snooker. | $\frac{245}{63.8\%}$ | $\frac{84}{21.9\%}$ | $\frac{26}{6.8\%}$ | $\frac{14}{3.6\%}$ | $\frac{15}{3.9\%}$ | 1.62 | 1.03 | R |
| Apabila saya berada di bandar, saya akan lupakan masalah saya. | $\frac{69}{18.0\%}$ | $\frac{93}{24.2\%}$ | $\frac{119}{31.0\%}$ | $\frac{67}{17.4\%}$ | $\frac{36}{9.4\%}$ | 2.76 | 1.21 | S |
| Saya tidak suka berjalan di pusat membeli belah. | $\frac{70}{18.2\%}$ | $\frac{176}{45.8\%}$ | $\frac{65}{16.9\%}$ | $\frac{42}{10.9\%}$ | $\frac{31}{8.1\%}$ | 3.55 | 1.15 | S |
| Saya selalu memaksa diri duduk di rumah. | $\frac{148}{38.5\%}$ | $\frac{113}{29.4\%}$ | $\frac{79}{20.6\%}$ | $\frac{27}{7.0\%}$ | $\frac{17}{4.4\%}$ | 2.09 | 1.13 | R |
| Saya tahu saya selalu melepak. | $\frac{204}{53.1\%}$ | $\frac{93}{24.2\%}$ | $\frac{34}{8.9\%}$ | $\frac{34}{8.9\%}$ | $\frac{19}{4.9\%}$ | 1.88 | 1.19 | R |
| Saya tidak tahu kesan perlakuan melepak. | $\frac{180}{46.9\%}$ | $\frac{101}{26.3\%}$ | $\frac{63}{16.4\%}$ | $\frac{27}{7.0\%}$ | $\frac{13}{3.4\%}$ | 1.94 | 1.10 | R |

Jadual 5 menunjukkan taburan perlakuan melepak di kalangan pelajar sekolah menengah mengikut peratus, min, sisihan piawai. Hasil daripada kajian didapati pernyataan “saya tidak suka berjalan di pusat membeli belah” mencatat min tertinggi, iaitu 3.55 dan sisihan piawai 1.55. Bagi pernyataan pernyataan “saya tidak suka melepak kerana tiada sesiapa di rumah”, mencatat min kedua tinggi, iaitu 3.51 dan sisihan piawai 1.20. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 2.38 dan sisihan piawai ialah 1.13. Ini menunjukkan tahap perlakuan melepak adalah rendah.

Indeks Perlakuan Melepak Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Jadual 6: Indeks Perlakuan Melepak

| Kenyataan | Min | Skor Item |
|---|------|---|
| Saya merasa bosan di rumah. | 2.46 | $(2.46 - 1) / (5 - 1) \times 100 = 36.50$ |
| Saya merasa bosan di sekolah. | 2.41 | $(2.41 - 1) / (5 - 1) \times 100 = 35.25$ |
| Saya tidak suka melepak kerana tiada sesiapa di rumah. | 3.51 | $(3.51 - 1) / (5 - 1) \times 100 = 62.75$ |
| Saya suka melepak kerana saya takut ke sekolah. | 1.55 | $(1.55 - 1) / (5 - 1) \times 100 = 13.75$ |
| Saya selalu pergi ke tempat permainan video, kafe siber atau snooker. | 1.62 | $(1.62 - 1) / (5 - 1) \times 100 = 15.50$ |
| Apabila saya berada di bandar, saya akan lupakan masalah saya. | 2.76 | $(2.76 - 1) / (5 - 1) \times 100 = 44.00$ |
| Saya tidak suka berjalan di pusat membeli | 3.55 | $(3.55 - 1) / (5 - 1) \times 100 = 63.75$ |

| | | |
|--|------|---|
| belah. | | |
| Saya selalu memaksa diri duduk di rumah. | 2.09 | $(2.09 - 1) / (5 - 1) \times 100 = 27.25$ |
| Saya tahu saya selalu melepak. | 1.88 | $(1.88 - 1) / (5 - 1) \times 100 = 22.00$ |
| Saya tidak tahu kesan perlakuan melepak. | 1.94 | $(1.94 - 1) / (5 - 1) \times 100 = 23.50$ |

$$\begin{aligned} \text{Skor indeks perlakuan melepak} &= \text{Jumlah skor item} / \text{Jumlah item} \\ &= 344.25 / 10 \\ &= 34.43 \end{aligned}$$

Jadual 6 yang menunjukkan pengiraan skor item untuk pengiraan skor indeks perlakuan. Hasil pengiraan mendapati bahawa skor indeks perlakuan melepak bagi kajian ini adalah 34.43, iaitu masih di dalam lingkungan tahap yang sederhana rendah.

Hubungan Antara Perlakuan Melepak Dengan Peranan Ibu Bapa

Dalam bahagian ini, keputusan kajian dikemukakan. Kaedah statistik yang digunakan adalah analisis korelasi. Keputusan kajian dilaporkan berdasarkan objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara perlakuan melepak dengan peranan ibu bapa

Jadual 7: Analisis Hubungan Antara Perlakuan Melepak Dengan Peranan Ibu Bapa (Hipotesis 1.1)

| Peranan | Pelakuan melepak (nilai korelasi) |
|------------------|-----------------------------------|
| Peranan ibu bapa | -0.18** p=0.0001 |

***Signifikan pada aras 0.01*

Berdasarkan jadual 7, didapati nilai $r = -0.18$ menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara perlakuan melepak dengan peranan ibu bapa melebihi aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.01. Oleh yang demikian Hipotesis 1.1 ditolak : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perlakuan melepak dengan peranan ibu bapa. Oleh kerana, keputusan analisis korelasi menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara perlakuan melepak dengan peranan ibu bapa.

Jadual 8: Analisis Hubungan Antara Perlakuan Melepak Dengan Peranan Sekolah (Hipotesis 1.2)

| Peranan | Pelakuan melepak (nilai korelasi) |
|-----------------------|-----------------------------------|
| Peranan pihak sekolah | -0.24** p=0.0001 |

***Signifikan pada aras 0.01*

Berdasarkan jadual 8, didapati nilai $r = -0.24$ menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara perlakuan melepak dengan peranan sekolah melebihi aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.01. Oleh yang demikian Hipotesis 1.2 ditolak : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perlakuan melepak dengan peranan sekolah. Oleh kerana, keputusan analisis korelasi menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara perlakuan melepak dengan peranan sekolah.

**Jadual 9: Analisis Hubungan Antara Perlakuan Melepak Dengan Peranan Rakan
(Hipotesis 1.3)**

| Peranan | Pelakuan melepak (nilai korelasi) |
|---------------------|-----------------------------------|
| Peranan rakan-rakan | -0.50** p=0.0001 |

***Signifikan pada aras 0.01*

Berdasarkan jadual 9, didapati nilai $r = -0.50$ menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara perlakuan melepak dengan peranan sekolah melebihi aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.01. Oleh yang demikian Hipotesis 1.3 ditolak : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perlakuan melepak dengan peranan rakan. Oleh kerana, keputusan analisis korelasi menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara perlakuan melepak dengan peranan rakan.

**Jadual 10: Analisis Ujian-t Perbandingan Perlakuan Melepak Mengikut Jantina
(Hipotesis 2.1)**

| Jantina (n=384) | Min | SP | Ujian-t | p |
|-------------------|------|------|---------|------|
| Lelaki (n=136) | 2.42 | 0.51 | 1.38 | 0.17 |
| Perempuan (n=248) | 2.35 | 0.47 | | |

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Berdasarkan jadual 10, didapati nilai $p = 0.17$. Hipotesis 2.1 diterima : Tiada Perbezaan signifikan antara perlakuan melepak mengikut jantina iaitu aras signifikan 0.17 melebihi aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh kerana, keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara perlakuan melepak mengikut jantina.

**Jadual 11: Analisis Ujian-t Perbandingan Perlakuan Melepak Mengikut Lokasi Kediaman
(Hipotesis 2.2)**

| Lokasi kediaman (n=384) | Min | SP | Ujian-t | p |
|-------------------------|------|------|---------|------|
| Bandar (n=192) | 2.37 | 0.54 | -0.37 | 0.71 |
| Luar bandar (n=192) | 2.39 | 0.42 | | |

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Berdasarkan jadual 11, didapati nilai $p = 0.71$. Hipotesis 2.2 diterima : Tiada Perbezaan signifikan antara perlakuan melepak mengikut lokasi kediaman iaitu aras signifikan 0.71 melebihi aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh kerana, keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara perlakuan melepak mengikut lokasi kediaman.

**Jadual 12: Analisis Ujian-t Perbandingan Perlakuan Melepak Mengikut Lokasi Sekolah
(Hipotesis 2.3)**

| Lokasi sekolah (n=384) | Min | SP | Ujian-t | p |
|------------------------|-----|----|---------|---|
|------------------------|-----|----|---------|---|

| | | | | |
|---------------------|------|------|-------|------|
| Bandar (n=192) | 2.37 | 0.54 | -0.37 | 0.71 |
| Luar bandar (n=192) | 2.39 | 0.42 | | |

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Berdasarkan jadual 12, didapati nilai $p = 0.71$. Hipotesis 2.3 diterima : Tiada Perbezaan signifikan antara perlakuan melepak mengikut lokasi sekolah iaitu aras signifikan 0.71 melebihi aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh kerana, keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara perlakuan melepak mengikut lokasi sekolah.

Kesimpulan

Dengan adanya hasil kajian, adalah diharapkan dapat menyedarkan bahawa masih wujud gejala melepak di kalangan pelajar sekolah menengah. Tetapi tahap perlakuan lepak adalah masih dalam tahap yang sederhana. Adalah harus semua lapis masyarakat bermula daripada organisasi keluarga hingga pihak kerajaan supaya berganding bahu bersama-sama membanteras masalah melepak. Samsiah (2004), juga menyatakan bahawa pelbagai pihak adalah dialu-alukan supaya bersama mencegah perlakuan melepak sebelum ia mencapai tahap yang lebih serius.

Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara perlakuan melepak dengan jantina, lokasi tempat kediaman dan lokasi sekolah di kalangan pelajar sekolah menengah dan terdapat hubungan yang signifikan antara perlakuan melepak dengan peranan ibu bapa, sekolah dan rakan di kalangan pelajar sekolah menengah. Ini bermakna ketiga-tiga memainkan pengaruh yang boleh mencetuskan perlakuan melepak. Di samping, semua responden mempunyai kecenderungan melakukan aktiviti melepak, tidak kira sama ada lelaki atau perempuan, tinggal di bandar atau luar bandar dan bersekolah di bandar dan luar bandar.

RUJUKAN

- Amato, P.R. dan Keith B. (1991). *Parental Divorce and Adult Well Being: A Metaanalysis*. Journal of Marriage and the Family. 53, 43-48.
- Azalina Othman Said (2006). *Indeks Belia Malaysia*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Azizi Yahya dan Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Cetakan pertama. Pahang : PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim dan Yusof Boon (2005). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Cetakan Pertama. Pahang : PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Freud, A. (1985). *Adolescence in Psychoanalytic Study of The Child*. New Haven: Yale University Press. Vol. 13,255-278.
- Kaplan, M. (1975). *Leisure Theory and Policy*. New York: John Wiley & Sons Inc.
- Lester, D. C. (1964). *Psychology of Human Adjustment*. New York: Alfred A. Knoff Inc.
- Manja Mohd Ludin (1990). *Psikologi Sosiologi dan Falsafah dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd. Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd Tamin (1988), *Psikologi Remaja*. Petaling Jaya : Fajar Bakti Malaysia Sdn. Bhd.
- Nor Samsiah Md Said (2004). *Faktor Yang Mendorong Remaja Melayu Melepak Dari Perspektif Pelajar Sekolah di Pusat Bandaraya Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Razali Mohammad (2004). *Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik dan Tingkah Laku Kenakalan Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana.
- Rustam A. Sani (1994). *Ketegasan dalam Masalah Belia*. dlm. Utusan Malaysia, 9 Mei.
- Shahizan, Tsai Chen Chein dan Saw Hooi Chin (2004). *Intrapersonal and Interpersonal Untuk Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors.
- Wong Khok Seng (1996). *Fenomena Budaya Lepak*. dlm. Akademik, Keluaran Khas, hlm. 75-78.